

Kolej E juara Debat Piala Naib Canselor

UB 16-10-2014 A2

KOTAKINABALU: Kolej E berjaya merampas kejuaraan daripada Kolej AB bagi pertandingan Debat Piala Naib Canselor ke-14 yang berlangsung di Dewan Resital, Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Mendebatkan isu 'Keragaman Sabah, Malaysia Lebih Bererti', pendebat dari Kolej E yang bertindak sebagai pihak kerajaan berjaya mematahkan hujah-hujah dari pendebat Kolej AB yang bertindak sebagai pembangkang, sekali gus merangkul kejuaraan bagi debat kategori Bahasa Melayu utama.

Lebih manis, pendebat mereka, Mohd Faizal turut diangkat sebagai pendebat terbaik dalam pertandingan akhir.

Sementara itu, pendebat Kolej CD berjaya menewaskan Kolej AB bagi kategori Bahasa Melayu Muda. Mohd Fazrul Abdul Rahim dinobatkan sebagai pendebat terbaik kategori Bahasa Melayu Utama bagi keseluruhan kejohanan, manakala kategori Bahasa

Melayu Muda disandang Nurfaiz Musthafa.

Piala kemenangan berserta sijil disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Prof Madya Dr Ismail Ali.

Terdahulu, Naib Canselor Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berucap ketika

merasmikan pertandingan akhir debat itu berkata, Karnival Debat Piala Naib Canselor yang telah bermula sejak tahun 2001 ini telah berjaya mencungkil bakat-bakat baharu dalam pengucapan awam bagi meneruskan legasi kecemerlangan UMS dalam

bidang ini.

Jelasnya, penganjuran pertandingan debat tahunan ini juga adalah platform kepadaparapendebat untuk ke peringkat lebih tinggi seperti kejayaan UMS memenangi Debat Diraja 2014 ke-16 dalam kategori muda Bahasa Melayu Mei lalu.



KOLEJ E muncul juara Piala Debat Naib Canselor kategori Bahasa Melayu Utama.